

INTIPATI NASIHAT LUQMAN KEPADA ANAKNYA DAN IMPLIKASINYA DALAM MEMBINA PERIBADI UMMAH

Nurul Farwizah Binte Bahari

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Tel: +6588362454 E-mail: farwizah@raudah.usim.edu.my

Nur Alissa Syahirah Binti Zambry

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Tel: +014-6416325
E-mail: nuralissa.syahirah@raudah.usim.edu.my

Siti Aisyah Humaira' Binti Fakhruddin

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Tel: +017-7405270
E-mail: aisyah_humaira@raudah.usim.edu.my

Muhammad Arif Bin Musa

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Tel: +013-9391379
E-mail: arif@usim.edu.my

ABSTRAK

Arus peredaran zaman yang semakin moden kini telah banyak mengubah gaya dan budaya hidup masyarakat sama ada ia memberi dampak positif atau negatif. Secara tidak langsung, ia akan menjadi satu cabaran untuk ibu bapa membentuk tingkah laku yang baik kepada anak-anak jika sahsiah dan adab diabaikan. Luqman Hakim adalah seorang yang telah dimuliakan Allah atas kebijaksanaannya sehingga dinukilkan namanya dalam Al Quran yakni Surah Luqman. Justeru, intipati nasihat-nasihat beliau amat berguna sebagai pendidikan kepada pembangunan sahsiah diri di zaman metropolitan ini. Kajian ini dilakukan secara kualitatif dengan menganalisis dan merujuk kepada dapatan kajian-kajian terdahulu. Pada akhir kajian ini, nasihat Luqman al-Hakim memberi pendedahan yang banyak kepada ibu bapa untuk mendidik sahsiah diri anak-anak dan implikasinya dalam membangunkan sebuah tamadun yang berakhlak mulia.

Kata kunci: Nasihat, Pendidikan, Luqman al Hakim

1. Pendahuluan

Luqman Al Hakim merupakan orang soleh yang dipilih oleh Allah SWT yang disebutkan dalam Al-Quran iaitu dalam surah Luqman. Beliau terkenal disebabkan nasihat-nasihatnya kepada anaknya. Sikap terpuji Luqman Al-Hakim yang suka memberikan nasihat telah menjadikan pesan Luqman kepada anaknya diabadikan dalam kitab suci Al-Quran yang diceritakan dalam surah tersebut dalam ayat 12-19.

Beliau dikurniakan keistimewaan yang mendapat anugerah daripada Allah SWT yang berupa ilmu hikmah iaitu ilmu yang sangat berguna bagi keperibadian manusia yang pada gilirannya akan bermanfaat bagi orang di sekitarnya, dan juga alam semesta. "Dan sesungguhnya telah Kami berikan hikmah kepada Luqman." (Luqman; 12) Beliau juga dianugerahi ilmu pengetahuan, kebijaksanaan, kefahaman agama yang mendalam, serta kemuliaan dan kedudukan yang tinggi.

Perwatakannya yang sangat suka memberi nasihat dan setiap kata-kata yang diucapkan dipenuhi dengan hikmah serta boleh dijadikan sebagai panduan bagi umat Islam. Beliau digelar Al-Hakim kerana kata-kata hikmah beliau dan kisahnya menjadi pengajaran dan teladan kepada manusia. Luqman sangat prihatin ketika mendidik anaknya agar anaknya dapat menjalani kehidupan berdasarkan syariat Allah.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan metode kajian perpustakaan. Hasil dapatan dan perbincangan kajian ini diperolehi daripada dengan menganalisis, mengumpul dan menyimpulkan maklumat- maklumat yang diperlukan oleh kajian dengan merujuk kepada kajian-kajian terdahulu dan kitab-kitab yang berkaitan dengan tajuk ini.

3. Kajian Literasi

Terdapat beberapa perkara yang akan dibincangkan dalam kajian literasi ini bermula dengan biografi Luqman Al-Hakim. Seterusnya, intipati nasihat dan keberkesanan nasihat seorang bapa kepada anak. Akhirnya, implikasi nasihat Luqman dalam membentuk peribadi ummah.

3. Biografi Luqman Al-Hakim

Luqman adalah seorang hamba yang soleh dan kuat beribadah kepada Allah s.w.t. Beliau juga dikenali sebagai Luqman yang Bijaksana atau Luqman Al-Hakim. Menurut riwayat Ibn Abbas, Luqman bukanlah seorang nabi, ulama atau keturunan raja tetapi hanya seorang manusia soleh semata sahaja. Bahkan dalam banyak riwayat sahih dikatakan bahawa beliau seorang pencari kayu bakar di Habsy dan pengembala yang berkulit hitam dari Arab. Ada pula yang berpendapat bahawa Luqman adalah seorang hakim pada zaman nabi Daud a.s. (Kristina, 2021)

Namun demikian, beliau mempunyai keistimewaan yang tidak dimiliki oleh orang lain. Luqman adalah seorang yang telah dimuliakan Allah s.w.t atas kebijaksanaannya sehingga namanya diabadikan oleh Allah menjadi nama salah satu surah dalam al-Qur'an iaitu surah Luqman. Allah tidak menilai seseorang dari kekuatannya, status kehidupan, warna kulit dan lainnya. Tetapi Allah menilai dari ketakwaan dan kesolehannya. Luqman merupakan sosok lelaki yang berkulit hitam, tetapi namanya disemadikan Allah abadikan atas ketakwaan dan kesolehannya. (Harbani, 2021).

4. Intipati Nasihat Luqman Al-Hakim

﴿وَلَقَدْ آتَيْنَا لُقْمَانَ الْحِكْمَةَ أَنْ اشْكُرْ لِلَّهِ ۚ وَمَنْ يَشْكُرْ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ ۚ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ١٢ وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ ۖ وَهُوَ يَعِظُهُ ۖ يَبْنَىٰ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ ۚ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ١٣ وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ ۖ وَهَنَا عَلَىٰ وَهْنٍ ۖ وَفَصَّلْتُهُ ۖ فِي عَمَرَيْنِ أَنْ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ ۖ إِنَّ الْمَصِيرُ ۖ إِلَيَّ ۖ الْمَصِيرُ ١٤ وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا ۖ وَصَاحِبْهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا ۖ وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ۚ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ١٥ يَبْنَىٰ إِهْمًا ۖ إِنَّ تَكُ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِّنْ حَرْدَلٍ فَنُكِّنْ فِي صَخْرَةٍ أَوْ فِي السَّمُوتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ ١٦ يَبْنَىٰ أَقِيمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ ۚ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ١٧ وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرْحًا ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ١٨ وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَأَغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ ۚ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ ١٩﴾

Hasil kajian penerapan pendidikan tafsir Luqman kepada perspektif kontemporari membincangkan dua jenis ilmu tafsir masyhur iaitu Sayyid Qutb dan al-Sha'rawi mengenai kaedah dan susunan ayat nasihat, perintah dan larangan di dalam surah Luqman terdapat lapan ayat di dalam surah ini dan terdapat tiga elemen pendidikan iaitu pendidikan akidah, pendidikan ibadah dan pendidikan akhlak

yang berunsurkan wasiat seorang bapa kepada anaknya (Salihin et al, 2019). Sayyid Qutb dan al-Sya'rawi berpendapat bahawa memadai hubungan seorang hamba dengan Pencipta dan saling menjaga hubungan sesama manusia. Dalam aspek pendidikan akidah, disebutkan tentang bersyukur atas segala nikmat Allah dan tidak mensyirikannya pada ayat 12 dan ayat 13. Adapun di dalam aspek pendidikan akhlak pada ayat 14 suruhan berbuat baik dan taat akan perintah ibu dan bapa selagi tidak melanggar syariat Islam. Perintah kewajiban bersyukur kepada Allah dan larangan mensyirikkan Allah didahului dahulu kemudian barulah kewajiban berbuat baik pada ibu bapa. Dalam kaitannya dengan berbakti kepada ibu bapa, surah Luqman menjelaskan dan membahaskan konteks syukur dalam kalimah anisykur (Syifa, Sobarna, 2019). Oleh itu, nasihat yang terkandung dalam ayat 12-14 memberi satu kepentingan dalam setiap aspek pendidikan yang telah diungkapkan oleh Luqman al-Hakim kepada anaknya.

Setelah kefahaman ilmu tauhid dalam tidak menyekutukan Allah SWT ditanamkan kepada anak, Luqman mengajak anaknya untuk membiasakan diri dalam menunaikan ibadah solat sebagai langkah pertama kerana solat adalah tiang agama dan ketaqwaan seorang hamba kepada Allah diukur melalui solat. (Ilyas, 2006) Maka ia adalah suatu amanah kepada ibu bapa untuk tidak mengabaikan santapan rohani mereka sepertimana yang disabdakan Rasulullah SAW:

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ ، وَأَضْرِبُوهُمْ عَلَىٰ هَا وَهَمَّ أَبْنَاءُ عَشْرِ ، وَفِ رِقْ
وَإِ بَيْنَهُمَا فِي
الْمَضَاجِعِ

Perintahkanlah anak-anak kalian untuk mendirikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka (jika mereka tidak mahu melaksanakannya) ketika mereka berumur sepuluh tahun. Dan pisahkanlah tempat tidur di antara mereka.

Hadith riwayat Abu Daud: (490)

Berdasarkan kupasan hadis ini, Rasulullah SAW telah mengkhabarkan kepada ibu bapa untuk mengajarkan anak-anak solat pada usia tujuh tahun dan memukul mereka jika meninggalkannya sebagai bentuk hukuman (al-Zuhayli, 1997) Hal ini kerana akal kanak-kanak akan bermula terserlah ketika usia tujuh tahun dan akan terus meningkat sempurna pada usia sepuluh tahun. (Shah, 1999) Para ulama juga bersepakat bahawa usia tujuh tahun adalah usia tamyiz yang membolehkan mereka untuk membezakan antara yang baik dan buruk termasuk urusan jual beli. Oleh yang demikian itu juga, segala perbuatan baik dan ibadat yang mereka kerjakan adalah sah di sisi syarak dan akan beroleh ganjaran.

Di dalam ayat ke-17, Luqman menggabungkan nasihat mendirikan solat bersama memerhatikan diri daripada melakukan yang keji dan mengajak orang lain ke arah ma'ruf secara baik-baik. Apabila setelah seseorang individu beramal dan teguh dalam memelihara solatnya, hendaklah dia mengajak insan yang lain untuk berbuat perkara yang sama demi membina sebuah tamadun yang dirahmati Allah SWT. Rasulullah SAW telah memberi perumpamaan bahawa seorang mukmin dengan mukmin yang lain adalah seperti bangunan yang memerlukan acuan dan tiang yang kukuh untuk memelihara hubungan tersebut (HR Bukhari, 459) Maka, seorang mukmin yang kasih akan saudaranya tidak akan membiarkan saudaranya terjerumus ke lembah maksiat dan akan berusaha untuk mengajaknya terus berada di landasan yang diberkati Allah SWT.

Luqman menyambung lagi nasihatnya supaya anaknya bersabar dengan apa jua yang menimpa dirinya kerana semua yang ditentukan Allah SWT adalah bersebab dan akan memberi pelajaran yang berguna kepada manusia. Sifat sabar adalah praktis yang terbaik buat diri dalam menghadapi cabaran

hidup agar tidak hilang pertimbangan akal ketika membuat keputusan ketika ditimpa musibah. Kalimah sabar banyak disebut di dalam al-Quran kerana Allah SWT Maha Mengetahui betapa besarnya pengorbanan dan usaha yang diperlukan untuk menjalani ujian-ujian di muka bumi ini sepertimana firman Allah SWT dalam surah Al-Anfal ayat 66:

“Sekarang Allah telah meringankan daripada kamu (apa yang telah diwajibkan dahulu) kerana Dia mengetahui bahawa pada kamu ada kelemahan; oleh itu jika ada di antara kamu seratus orang yang sabar, nescaya mereka akan dapat menewaskan dua ratus orang dan jika ada di antara kamu seribu orang, nescaya mereka dapat menewaskan dua ribu orang dengan izin Allah dan (ingatlah) Allah berserta orang-orang yang sabar”

Keindahan wasiat Luqman pada ayat ke-17 dimulakan dengan arahan mendirikan solat dan ditutup dengan tuntutan supaya bersabar. Hal ini kerana dua perkara ini terintegrasi antara satu sama lain sebagai salah satu mekanisme untuk mendapatkan jiwa yang *muthma'innah* atau jiwa yang tenang. Rasulullah SAW dan sahabat sendiri juga mencari solusi dengan mendirikan solat ketika ditimpa musibah sebagai tanda sabar mereka terhadap ujian yang diberikan Allah SWT. Jiwa yang *muthma'innah* akan merasakan ketenangan dalam menjalankan perintah Allah SWT kerana yakin akan berjumpa kepada Sang Pencipta di akhirat kelak. (Qayyim, 1991)

Penerapan pendidikan akidah yang diberikan Luqman kepada anaknya diiringi dengan ajaran akhlak dalam ayat yang seterusnya iaitu ke-18 dan 19 kerana dua elemen ini tidak dapat dipisahkan. (Quraish, 2002) Ayat tersebut melarang bahawa seseorang itu memalingkan muka dan menyombongkan diri di atas dunia ini. Allah SWT tidak menyukai hambanya yang mempunyai walau sebesar zarah sifat sombong lagi membanggakan diri. Hal ini kerana sifat mazmumah tersebut boleh menyakiti saudara yang lain dan hubungan saudara itu perlu dipelihara seperti yang telah dibincangkan di atas.

Anak kesayangan Luqman juga dinasihati supaya besederhana ketika berjalan di atas muka bumi iaitu tidak mendongakkan dada ke hadapan dan juga tidak terlalu bongkok bagai orang sakit ketika berjalan. Kalimah *fi al-ardhi* amat dekat dengan insan kerana manusia itu sendiri diciptakan daripada tanah, tempat berjalan di atasnya bagi semua orang, yang berpangkat sehingga kepada rakyat biasa dan tanah jua adalah tempat kembalinya semua manusia tanpa pengecualian (Surah Al Mu'min; 12) Maka, tidak wajar bagi seorang manusia itu menyombongkan diri dan merasakan kelebihannya melampaui orang lain.

Di ayat ke-19 juga menekankan bahawa mukmin yang berakhlak seharusnya tidak meniru suara keldai dalam percakapannya dengan suara yang kuat kerana seburuk-buruk suara itu ialah suara keldai yang membingitkan telinga dengan siulan dan nafasnya yang buruk (Ibid). Mukmin yang berilmu dan bertamadun akan menggunakan kalimah dan tona suara yang baik ketika berbicara dengan orang lain. Orang-orang Arab pada zaman Jahiliyyah membanggakan perbuatan mengeraskan suara mereka seolah-olah binatang keldai kerana pemilik suara yang paling keras akan disanjung maka pada yang sebaliknya akan dihina (Rima, 2019). Natijah larangan ini ialah tarbiah kepada hamba-hambanya supaya tidak meremehkan fizikal orang lain, suara dan perlu ditinggalkan serta merta.

5. Keberkesanan Nasihat Seorang Bapa Kepada Anaknya

Anak ibarat kain putih dan ia akan dicorak pada waktu dan hari sebelumnya. Dalam konteks ini, mengikut sabda Nabi Muhammad SAW:

“Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih), kedua ibu bapanyalah yang mencorakkannya menjadi Yahudi, Nasrani, atau Majusi.”

(HR Bukhari, 1385)

Nasihat dan pedoman yang diberi oleh Luqman al-Hakim kepada anaknya memberi satu impak positif dalam perkembangan dan peribadi anaknya. Luqman al-Hakim menggunakan pendekatan penuh hikmah sesuai dengan kematangan dan tahap kefahaman anaknya dan menjadikan nasihatnya lebih berkesan dan berupaya untuk difahami dan diketahui oleh anaknya. Selain itu, ia menunjuk ke arah konsisten dan seragam dalam mendidik dan mengajar anaknya tentang contoh dan peribadi yang baik.

Menjadi satu aspek baharu dalam nasihat yang diberi mencakupi iman dan amalan seharian di samping iman perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian agar menjadi panduan dan dorongan ke arah yang lebih baik. Mengikut peribahasa Melayu, ‘bagaimana acuan begitulah kuihnya’. Ia akan dijadikan model dan rujukan kepada ibu bapa akan pentingnya nasihat Luqman al-Hakim di dalam kehidupan. Oleh itu, ibu bapa perlulah mendidik anak-anak sesuai dengan nasihat yang diberikan di dalam Surah Luqman.

6. Implikasi Nasihat Luqman Al-Hakim Dalam Membentuk Peribadi Ummah

Nasihat-nasihat yang diberikan Luqman Al-Hakim memberikan impak yang besar kepada pembentukan peribadi mulia kepada ummah. Bermula dengan keesaan kepada Allah iaitu tidak menyekutukan-Nya SWT dengan apa-apa sekalipun. Para sarjana Islam sering disandarkan kepada hal-hal spiritual dan kecerdasan dengan keimanan yang mantap seperti Al-Ghazali, Ibnu Sina dan Najati (Sudi et al, 2020) Maka ia jelas menjadi kayu ukur dan berkait dengan kepercayaan kepada Allah dengan tahap kecerdasan spiritual yang bagus. Untuk mencapai ketamadunan yang maju, kepercayaan kepada Tuhan adalah elemen yang terpenting kerana manusia perlu percaya bahawa tanpa keberkatan daripada Allah terhadap sesebuah tamadun itu, ianya boleh mengundang kemurkaan dan azab Allah seperti kisah-kisah umat terdahulu yang telah dinukilkan di dalam al-Quran, kisah kaum A'd dan kisah kaum Thamud yang telah dihancurkan sekelip mata oleh Allah SWT. (Surah Al-Haqqah ayat 6-8)

Keperibadian mulia seseorang itu juga boleh diukur melalui cara layanannya kepada ahli keluarganya terutama ibu bapanya. Hal ini kerana sering berlaku di mana seseorang itu melebihkan orang luar atau bahkan melayan mereka jauh lebih baik berbanding dengan ahli keluarganya. Nabi SAW bersabda:

“Kehinaan, kehinaan, kehinaan” Dan Baginda ditanya siapakah yang dimaksudkan Baginda kemudian Rasulullah menjawab: “Siapa sahaja yang masih mempunyai kedua ibu bapanya ketika lanjut usia, salah satu atau keduanya namun tidak (menjadikannya asbab) kepadanya untuk masuk ke dalam syurga”

(HR Muslim, 2551)

Maka dengan nasihat Luqman tentang berbuat baik kepada ibu bapa memberi kesan kepada pembentukan akhlak seseorang. Hubungan kait antara beribadah kepada Allah S.W.T. dengan berbuat baik terhadap kedua ibu bapa adalah untuk menunjukkan hak bagi mereka berdua yang besar terhadap anak kerana ibu bapa adalah penyebab zahir bagi ada anak. (Sabuni, 1997) Nasihat yang diberikan

kepada anaknya juga merangkumi aspek ibadah iaitu solat yang boleh mencegah kemungkaran dan membina jati diri jika dilaksanakan dengan sebaiknya bermula dari rukun dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi. Pelaksanaan solat juga akan melatih anak-anak untuk menggalas tanggungjawab terhadap dirinya agar tidak meninggalkannya walaupun tiada siapa yang melihat dan mengetahui kecuali Allah Maha Mengetahui. Ibadah solat yang ditunaikan secara sempurna bakal memberikan kesan yang begitu besar kepada kesejahteraan rohani kerana ianya jalan utama untuk mendekatkan diri kepada Allah (al-Ghazali, 1993) Sebaliknya, jika anak-anak melaksanakannya secara sambil lewa, tiada kekuatan jiwa dalaman yang akan terbina. Atau jika mereka mengabaikannya maka tiada perbezaan anak tersebut dengan orang kafir.

Nasihat-nasihat Luqman yang beraspek kepada akhlak amat membantu dalam membina peribadi ummah ke arah tamadun yang maju dan berilmu. Perintah tidak menyombongkan diri dan bercakap dengan suara yang baik-baik menjadi bentuk akhlak yang ditegaskan Luqman kepada anaknya. Tanpa akhlak dan moral yang baik, maka tamadun itu sendiri sudah runtuh sebelum ditubuhkan oleh pihak musuh. Agama-agama yang wujud di dunia ini menyeru kepada pengikutnya untuk berakhlak dan beretika baik. Khusus kepada agama Islam itu sendiri, Nabi Muhammad SAW itu diutus oleh Allah SWT sebagai rahmat kepada seluruh manusia dan menyempurnakan akhlak mulia. Oleh yang demikian, mengaplikasikan segala bentuk-bentuk nasihat yang diberikan oleh Luqman al-Hakim baik dari segi akidah, ibadah mahupun akhlak dapat memantapkan keimanan dan keperibadian sahsiah seorang mukmin yang sejati di dalam diri mereka.

7. Kesimpulan

Surah al-Luqman merakamkan nasihat-nasihat yang berguna meskipun ianya terlihat biasa berbanding surah-surah lain secara zahirnya. Namun, jika kita mentadabbur pada ayat-ayat yang diberikan oleh seorang bapa kepada anaknya atas dasar kasih sayang dengan teliti, ia mempunyai makna yang besar dan mendalam. Hal ini kerana seorang bapa yang mementingkan ilmu agama dan ketaatan kepada Allah, akan mengharmonikan keluarga dan beroleh keberkatan. Nasihat nasihat tersebut tidak terhad kepada takuk seorang anak sahaja bahkan meluas kepada banyak individu memandangkan nasihat Luqman adalah bersifat nasihat kehidupan yang boleh diteladani oleh semua orang. Kata-kata yang penuh hikmah daripada Luqman al-Hakim tersebut sedikit sebanyak akan membantu kepada membina perpaduan tamadun yang maju dengan permulaan keperibadian jati diri mukmin yang sejati di sisi Allah.

8. Rujukan

Al-Quran

Abd Aziz, N. F., & Ibrahim, A. (2022). Asas Kemahiran Kebapaan dalam Pendidikan Anak: Analisis Berdasarkan Kisah Luqman Al-Hakim. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(51), 76 – 86 <https://doi.org/10.55573/JISED.075109>.

Abi Hussain Muslim Ibn Hajaj Bin Muslim Al-Qasyiri, Shahih Muslim, Kitab Al-Bir Wasilah Wal Al-Adab, (Riyad: Darul Salam, 2007)

Al-Dihlawi, Ahmad b. ‘Abdul Rahim Shah Wali Allah. 1999. *Hujjah Allah alBalighah. Tahqiq Syeikh Muhammad Syarif Sukkar*. Cet. 3. Beirut: Dar Ihya’ al-‘Ulum.

Al-Ghazali. 1993. *Ayyuha al-Walad. Kaherah: Dar al- Tawzi’ wa al-Nasr al-Islamiyyah*

Al-Jauziyyah, Ibnu al-Qayyim. *Tariqat Al-Hijratayn wa Bab as-Sa’adatayn*. Bairut: Dar al-Fikr. 1991.

Al-Zuhayli, Wahbah. 1997. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jil. 1. Damsyiq: Dar alFikr.

- Harbani, R. I. (n.d.). *Kenapa Sosok Luqman Diabadikan Dalam Al Quran surat Luqman?*. detikedu. <https://www.detik.com/edu/detikpedia/d-5842633/kenapa-sosok-luqman-diabadikan-dalam-al-quran-surat-luqman>
- Hj Hussin, Salihin., Abdullah, Ahmad. N., & Rohani, W. (2019). Pentafsiran Ayat Pendidikan Luqman Mengikut Perspektif Ahli Tafsir Kontemporari. *AL-BASIRAH JOURNAL*, 9(1), 1–18.
- Ilyas, Yunahar. 2006. *Kuliah Akhlak. Yogyakarta: Lembaga Pengkajian dan Pengamalan Islam (LPPI) UMY*
- Kristina. (n.d.). *Luqman al Hakim Hidup di Zaman Nabi Siapa? Ini Kisahnya*. detiknews. <https://news.detik.com/berita/d-5611842/luqman-al-hakim-hidup-di-zaman-nabi-siapa-inikisahnya>
- M.Quraish Shihab, *Tafsir Al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur’an*, (Jakarta: Lentera Hati, 2002). Hlm. 311
- Muhammad `Ali al- Sabuni (1997), *Safwah al-Tafasir*, juz.3, Kaherah: Dar alSabuni, h.145.
- Muhammad bin Isma`il al-Bukhari, Shahih al-Bukhari, Kitab al-Iman bab al-Muslim Man Salim al-Muslimun min Lisan, Jilid .I (Riyad: Dar `Alam al-Kutub, 1996), 459
- Rima Diani, 2019, *Perumpamaan Keledai Dalam Al-Qur`an*
- Sudi, S., Md Sham, F., & Yama, P. (2020). *Iman Kepada Allah Sebagai Asas Kecerdasan Spiritual Muslim* (p. 12). Indonesia: *e-Proceeding of The 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020* (THIQAH 2020).